

## Geografi Pilihan Raya Dalam Pilihan Raya Umum 15 di Kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Damak, Jerantut, Pahang

*The Electoral Geography in General Elections 15th in State Legislative Assembly Area of Damak, Jerantut, Pahang*

Farah Humaira Jamalludin  
<sup>1</sup>Junaidi Awang Besar

Program Geografi  
Pusat Kajian Pembangunan, Sosial dan Persekitaran  
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan  
Universiti Kebangsaan Malaysia

Correspondence e-mail: <sup>1</sup>jab@ukm.edu.my

### ABSTRAK

Geografi pilihan raya merupakan bidang kajian yang menarik untuk dibincangkan dalam kalangan masyarakat disebabkan bidang kajian tersebut meliputi pelbagai aspek yang berbeza antaranya ialah kawasan, persempadanan, kependudukan, pembangunan dan pengaruh ekonomi terhadap trend politik kewilayahan. Kesemua aspek yang dikaji boleh memberi kesan kepada keputusan pilihan raya seperti aspek kawasan dan manusia akan berinteraksi dengan siapa atau di mana mereka berada. Geografi pilihan raya juga mempunyai pelbagai aspek lain yang boleh dikaji dan aspek tersebut boleh memberi kesan kepada sesuatu keputusan pilihan raya. Justeru, adalah menjadi tujuan artikel ini ditulis untuk mengkaji berkaitan dengan geografi pilihan raya dalam Pilihan Raya Umum ke-15 (PRU-15) di kawasan DUN Damak, Jerantut, Pahang. Kajian ini menggunakan kaedah mengumpul data lapangan yang melibatkan soal selidik, temu bual, pemerhatian di lapangan dan rujukan sumber sekunder. Penganalisan data dilakukan melalui perisian Statistical Package for Social Science (SPSS) versi 26.0. Hasil kajian mendapati bahawa antara isu yang dominan dipilih oleh responden ialah berkaitan dengan pemulihan ekonomi/harga barang/inflasi/kos sara hidup iaitu seramai 84 peratus. Seterusnya, 64 peratus responden menyatakan bahawa mereka tidak berminat dengan politik disebabkan oleh pelbagai sebab antaranya adalah kerana politik merupakan perkara yang rumit dan 36 peratus menunjukkan minat terhadap politik kerana ingin mengetahui cara pemerintahan negara. Selain itu, 46 peratus responden menyatakan bahawa pertimbangan rasional merupakan pertimbangan utama semasa mengundi ketika PRU-15. Kesimpulannya, kajian ini merupakan perkara yang penting kerana boleh menambah ilmu pengetahuan, menambah data dalam kajian geografi pilihan raya dan boleh dijadikan rujukan kepada parti politik serta kerajaan agar boleh melihat isu dan permasalahan yang berlaku supaya boleh melengkapkan keperluan rakyat di sesebuah kawasan dengan sebaik mungkin.

**Kata kunci:** geografi pilihan raya, politik kewilayahan, tingkah laku politik, partisipasi politik, persepsi politik

## ABSTRACT

*Election geography is an interesting field study to be discussed among the community because the field of study covers various different aspects, including areas, demarcations, population, development and economic influence on regional political trends. All the aspects that are studied can have an impact on the election results such as the aspect of the area and people will interact with who or where they are. Election geography also has various other aspects that can be studied and those aspects can have an impact on an election result. Therefore, the purpose of writing this article is to investigate about geography of the election in 15th General Election (PRU-15) in area State Legislative Assembly (DUN) of Damak, Jerantut, Pahang. This study uses field data collection methods involving questionnaires, interviews, field observations and references to secondary sources. Data analysis is done through software the Statistical Package for Social Science (SPSS) version 26.0. The results of the study found that among the issues that were chosen by respondents was related to economic recovery/prices of goods/inflation/cost of living which was 84 percent. Next, 64 percent of respondents stated that they are not interested in politics due to various reasons including that politics is a complicated matter and 36 percent showed an interest in politics because they want to know how the country is governed. In addition, 46 percent of respondents stated that rational consideration was the main consideration when voting during GE-15. In conclusion, this study is very important because it can increase knowledge, add related data in election geography field and can be used as a reference to a political party and government to see the issue and the problems that occur in order to complete the community's needs in an area as best as possible.*

**Keywords:** *election geography, regional politics, political behavior, political participation, political perception*

## 1. Pengenalan

Pilihan raya merupakan elemen yang paling penting dalam negara demokrasi terutamanya di Malaysia. Pilihan raya dijalankan bagi memilih pucuk pimpinan bagi meneraju sesebuah negara dari segi pelbagai aspek. Pilihan raya sangat berkait rapat dengan geografi politik kerana fenomena politik berada dalam konteks masa sama ada melibatkan pola geografi hasil daripada tindakan kuasa sesebuah kerajaan atau keadaan politik sesuatu unit atau negara. Dalam geografi politik terdapat dua sub bidang penting iaitu geografi politik iaitu geopolitik dan geografi pilihan raya.

Di Malaysia, geografi pilihan raya merupakan isu yang menarik untuk dibincangkan dalam kalangan masyarakat disebabkan bidang kajian meliputi pelbagai aspek yang berbeza antaranya ialah kawasan, persempadanan, kependudukan, pembangunan dan pengaruh ekonomi terhadap trend politik kewilayahan. Kesemua aspek yang dikaji boleh memberi kesan kepada keputusan pilihan raya seperti aspek kawasan, manusia akan berinteraksi dengan siapa atau di mana mereka berada. Selain itu, geografi pilihan raya juga mempunyai pelbagai aspek lain yang boleh dikaji dan aspek tersebut boleh memberi kesan kepada sesuatu keputusan pilihan raya. Oleh itu, penyelidikan ini merupakan satu kajian berkaitan dengan bagaimana situasi geografi pilihan raya dalam Pilihan Raya Umum ke 15 (PRU-15) dalam kalangan pengundi. Justeru, adalah menjadi tujuan kajian ini untuk mengkaji berkaitan dengan geografi pilihan raya dalam PRU-15 di kawasan DUN Damak yang akan menjelaskan ruang lingkup kajian agar dapat memandu kajian ini bagi melengkapkan tiga objektif khusus kajian yang telah ditetapkan.

## 2. Sorotan Literatur

Ulasan literatur atau kajian lepas berkaitan dengan politik pilihan raya telah banyak dijalankan yang merangkumi pelbagai kawasan antaranya ialah dalam dan luar negara. Kajian lepas merupakan tinjauan artikel ilmiah, buku dan sumber lain yang berkaitan dengan isu mahupun bidang penyelidikan untuk mendapatkan penerangan secara ringkasan tentang sesebuah karya. Melalui kajian lepas, penyelidik boleh mengetahui permasalahan kajian yang hampir sama dengan penyelidikan yang akan dijalankan. Kajian yang dijalankan memberi kesan positif serta kepentingan kepada pelbagai pihak dan peringkat. Antara subtopik yang terkandung dalam bahagian ini adalah seperti politik pilihan raya di luar negara, politik pilihan raya di Malaysia dan politik pilihan raya di Pahang.

Bagi kajian lepas yang dijalankan di luar negara oleh Meesuwan (2016) telah mengkaji perkaitan antara internet dengan partisipasi politik di Thailand. Perkara ini telah menunjukkan bahawa parti politik yang terlibat dan bergiat aktif dalam berkempen menerusi 'online' dapat mengurangkan kos perbelanjaan untuk berkempen jika dibandingkan dengan tahun sebelum ini. Justeru, dalam kajian beliau ini juga membuktikan bahawa parti politik yang aktif dalam media sosial lebih dikenali ramai, lebih mendapat perhatian dan pengaruh yang ramai serta maklumat yang disampaikan kepada golongan pengundi lebih berkesan dan cepat.

Kajian yang seterusnya oleh Kajian James Scott & Jane Wills (2017a) dalam 'The geography of the political party: Lessons from the British Labour Party's experiment with community organising, 2010 to 2015' telah menyetengahkan sumbangan geografi untuk perbahasan akademik berkaitan dengan demokrasi, perwakilan dan peranan parti politik. Keseimbangan antara jentera parti nasional dan asas keahlian tempatan sangat diperlukan oleh parti politik yang berjaya. Kajian yang dijalankan meneroka cara dimana Parti Buruh Britain berusaha untuk memperbaharui asas keanggotaan tempatannya dengan mengadaptasi teknik menyusun komuniti dan menubuhkan organisasi baru iaitu Gerakan untuk Perubahan (M4C), antara tahun 2010 dan 2015. Bahan kajian lampau telah digunakan dalam kajian ini untuk menyoroti pentingnya keseimbangan kekuatan dalaman dalam sebarang parti politik dan pendekatan multi-skalar diperlukan untuk memahami kejayaan operasi mana-mana parti politik.

Saufiyyan (2017) dalam kajiannya juga mendapati bahawa Presiden Donald Trump dilihat lebih banyak menyebarkan propaganda politiknya menjelang kempen Pilihan Presiden Amerika Syarikat melalui saluran media sosial miliknya seperti Twitter dan Facebook berbanding YouTube pada tahun 2016.

Selain itu, Sarah Mills & Catherine Waite (2017a), dalam kajian 'Brands of youth citizenship and the politics of scale: National Citizen Service in the United Kingdom' meneroka politik skala dalam konteks kewarganegaraan belia. Konsep 'jenama kewarganegaraan belia' untuk memahami peralihan baru-baru ini dalam promosi formasi kewarganegaraan bagi orang muda telah diusulkan, dan menunjukkan betapa pentingnya skala untuk agenda tersebut. Perbahasan berkaitan dengan skala kewarganegaraan telah mereka teruskan secara lebih luas melalui pemeriksaan geografi imaginatif dan institusi pembelajaran untuk menjadi warganegara.

Di samping itu, kajian Zakia Acharoui et al. (2020) iaitu 'Identifying Political Influencers on YouTube during the 2016 Moroccan General Election'. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti pengaruh percakapan politik, di YouTube, dalam tempoh kempen pilihan raya di Maghribi pada 2016. Penggunaan langkah-langkah sentralitas, dan membincangkan sifat

maklumat yang dikongsi oleh mereka yang berpengaruh dan profil mereka. Hasil kajian menunjukkan bahawa media digital dan blogger cenderung menjadi pusat daripada golongan elit politik dan media rasmi yang tidak hadir dalam senarai influencer teratas.

Seterusnya, kajian politik pilihan raya dalam negara yang dijalankan oleh Junaidi (2023a) dalam artikel jurnal yang bertajuk “Pilihan Raya Umum Malaysia ke-15: Pola Sokongan Pengundi Berdasarkan Faktor Kewilayahan” menjelaskan bahawa PH terus menguasai wilayah Pantai Barat Semenanjung Malaysia serta di Sabah serta Sarawak di kawasan bandar dan separa bandar campuran etnik dan majoriti Cina, PN menguasai wilayah Pantai Timur dan Utara serta sebahagian kecil di Barat dan Selatan Semenanjung Malaysia di kawasan luar bandar majoriti Melayu iaitu di zon Semenanjung Pantai Timur iaitu Kelantan, Terengganu dan Pahang Timur serta Pahang Tengah; Utara Semenanjung iaitu Perlis dan Kedah serta Pulau Pinang Seberang Prai Utara dan Tengah, Perak Utara, Perak Tengah; sebahagian Barat Semenanjung iaitu Utara Selangor dan Barat Selangor serta Barat Melaka dan Selatan Melaka manakala BN kekal berkuasa di kawasan luar bandar tengah Semenanjung Malaysia namun dengan jumlah kerusi yang menyusut. Justeru, pengaruh kewilayahan turut mempengaruhi pola pengundian dan perlu diambil perhatian oleh pihak yang berkenaan untuk melaksanakan strategi kempen bagi mendapat sokongan daripada pengundi di kewilayahan berkenaan.

Noor Azam (2023) dalam artikel yang bertajuk ‘Kepimpinan Tunjang Pembentukan Malaysia Madani’ menjelaskan bahawa makna istilah madani yang diperkenalkan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia ke-10 Dato’ Seri Anwar Ibrahim memerlukan penelitian yang menyeluruh. Hal ini demikian kerana istilah madani merangkumi semua aspek kehidupan dalam konteks manusiawi yang melibatkan kehidupan manusia sebagai anggota masyarakat, komuniti serta sebagai anggota dalam sebuah negara yang ditunjangi oleh pemimpin negara yang berwibawa dan terpilih.

Junaidi (2023b) dalam artikel jurnal yang bertajuk “PRU-15: Tiadanya Parti Politik Yang Menang Majoriti Mudah 112 Kerusi Parlimen Untuk Membentuk Kerajaan Persekutuan Malaysia” menjelaskan bahawa keputusan PRU-15, 2022 menunjukkan tiadanya satu parti tunggal berjaya mendapat majoriti mudah 112 kerusi untuk menguasai Parlimen dan Kerajaan Persekutuan. Keputusan ini disebabkan kegagalan BN untuk memenangi majoriti mudah akibat peralihan besar undi Melayu kepada PN. Peralihan besar undi ini berfaktorkan kepada kesedaran pengundi Melayu untuk memilih parti politik dan pemimpin yang bersih dan dapat diharapkan memperjuangkan hak orang Melayu dan Islam. Hasil kebijaksanaan titah serta nasihat Baginda Yang Dipertuan Agong maka terbentuklah Kerajaan Perpaduan daripada 148 ahli Parlimen iaitu majoriti 2/3 daripada 222 ahli Parlimen Malaysia yang terdiri daripada PH, BN, GPS, GRS, WARISAN, KDM, PBM dan 2 orang ahli Parlimen Bebas. PN (74 ahli Parlimen) tidak menyertai Kerajaan Perpaduan dan bertindak menjadi pembangkang. Dengan itu juga, Dato’ Seri Anwar Ibrahim daripada PH telah dilantik sebagai Perdana Menteri Ke-10.

Krishnamoorthy (2023) dalam buku yang bertajuk ‘Anwar Prison to Palace PM for All’ menjelaskan Anwar Ibrahim telah melalui pelbagai liku dan cabaran dalam berpolitik termasuk dipenjarakan dan akhirnya dalam kemelut politik pasca PRU 2022 maka beliau berjaya menjadi Perdana Menteri dengan mendapat mandat kukuh 148 ahli Parlimen atau 2/3 daripada 222 ahli Parlimen. Justeru, kuasa di tangan beliau maka inilah masanya untuk beliau membantu rakyat dan negara untuk bangkit daripada pemulihan era pandemik COVID-19 yang sangat mencabar.

Business Today (2023) dalam artikel yang bertajuk ‘Anwar Ibrahim 100 Days Report Card: Pass or Fail?’ menjelaskan bahawa terdapat banyak pembaharuan yang diperkenalkan

beliau sepanjang 100 hari pemerintahannya dengan pembentukan Kerajaan Perpaduan, Malaysia Madani, Produk Rahmah dan sebagainya. Meskipun bersifat jangka pendek namun beliau perlu diberi peluang sekurang-kurangnya 2 penggal iaitu 10 tahun untuk membawa Malaysia ke landasan yang terbaik dari segi ekonomi, sosial dan politik.

Bagi kajian politik pilihan raya di Negeri Pahang pula dijalankan oleh Muhammad Nadzri (2019), meskipun strategi pertembungan tiga penjuror telah mengekalkan status quo di Pahang, namun corak pengundian yang menolak BN di negeri itu adalah hampir sama yang ditunjukkan oleh negeri lain yang berada di Semenanjung Malaysia. Perkara ini menjelaskan mengapa kerusi BN di Pahang khasnya kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) di Pahang semakin berkurangan dengan ketara dalam PRU-14 tambahan pula pihak pencabar hanya kekurangan beberapa kerusi sahaja untuk menafikan majoriti BN. Walau bagaimanapun, persaingan tiga penjuror telah mengelakkan BN daripada kalah dengan lebih teruk di peringkat parlimen disamping mempertahankan kedudukannya sebagai kerajaan negeri di Pahang. Diharapkan bahawa artikel ini boleh menambah korpus ilmu secara khusus di dalam politik pilihan raya Pahang dan perspektif regionalisme dalam memahami politik Malaysia secara amnya.

Khalida Najwa & Junaidi (2021a) dalam artikel jurnal yang bertajuk “Tingkah Laku pengundi luar di kawasan DUN Tras, Raub, Pahang” mendapati bahawa responden memilih kriteria parti politik yang paling utama adalah parti politik yang memperjuangkan isu kemanusiaan iaitu ketelusan, keadilan, hak asasi manusia dan anti rasuah. Responden berpendapat bahawa mengundi di tempat bekerja akan menjimatkan masa dan kos. Selain itu, 76 peratus responden bersetuju dengan pernyataan ‘Kerajaan negeri Pahang berjaya menangani penularan wabak pandemik Covid-19 dengan baik’.

Khalida Najwa & Junaidi (2021b) dalam kertas kerja yang bertajuk “Tingkah laku pengundi luar di kawasan DUN Tras, Raub, Pahang” menjelaskan bahawa responden lebih dipercayai sumber maklumat daripada media online/sosial iaitu dengan jumlah sebanyak 46 peratus responden. Responden juga memilih kriteria parti politik yang paling utama adalah parti politik yang memperjuangkan isu kemanusiaan iaitu ketelusan, keadilan, hak asasi manusia dan anti rasuah. Responden berpendapat bahawa mengundi di tempat bekerja akan menjimatkan masa dan kos. Selain itu, 76 peratus responden bersetuju dengan pernyataan ‘Kerajaan negeri Pahang berjaya menangani penularan wabak pandemik Covid-19 dengan baik’.

Seterusnya, Muhamad Nadzri (2021) dalam bab dalam buku yang bertajuk “Realiti Politik Pilihan Raya di Pahang dalam PRU-14” untuk buku ‘Dinamika Politik Pilihan Raya di Malaysia dalam PRU-14’ menjelaskan bahawa pertandingan tiga penjuror di Pahang telah memecahkan undi etnik Melayu secara majoritinya kepada BN dan PAS manakala sebahagian kecilnya menyokong PH. Pengundi Melayu di Pahang lebih cenderung menyokong BN/UMNO adalah disebabkan identifikasi politiknya yang tinggi di samping parti tersebut telah lama serta berpengalaman memerintah negeri ini dan lebih dikenali berbanding PAS sementara PH yang masih baharu dalam persada politik Pahang.

Akhir sekali, dalam kajian Muhammad Ariff Asyrul (2022) bab dalam buku yang bertajuk “Pilihan Raya Kecil Chini: Dominasi Muafakat Nasional dan Pengukuhan Legitimasi Barisan Nasional di Pahang” untuk buku “Persaingan Politik dan Pilihan Raya: Dinamika Pola Pengundian Siri Pilihan Raya Kecil Pasca 9 Mei 2018” telah menyatakan bahawa PRK DUN Chini faktor calon menjadi pemangkin kepada kemenangan besar BN/UMNO dalam PRK tersebut. Tambahan pula kerjasama dalam Muafakat Nasional dan Perikatan Nasional serta

faktor calon menjadi pemangkin kepada kemenangan besar BN/UMNO dalam PRK tersebut.

### **3. Metod dan Kawasan Kajian**

#### **3.1 Kaedah Pengumpulan Data**

Bagi mendapatkan data kajian ini kaedah pengumpulan data primer dan data sekunder digunakan. Kaedah pengumpulan data primer dilakukan melalui kerja lapangan yang melibatkan pengumpulan borang soal selidik, temu bual dan pemerhatian di lapangan. Borang soal selidik telah diedarkan bagi mendapatkan maklumat responden di kawasan bandar iaitu Inderapura dan di kawasan luar bandar iaitu Kampung Temin. Bentuk soalan yang terdapat dalam borang soal selidik ialah berbentuk terbuka dan tertutup.

Selain itu, kajian yang dijalankan juga menggunakan kaedah temu bual. Temu bual yang dijalankan melibatkan dua orang individu yang mempunyai jawatan dan berlainan parti politik di kawasan kajian untuk mendapatkan pandangan mereka berkenaan dengan geografi pilihan raya di kawasan kajian. Setiap soalan yang dibekalkan mengandungi persoalan terbuka dan memerlukan pendapat dari responden yang dikaji. Selain itu, temu bual ini dilakukan di Pejabat Parti Politik, rumah dan juga kedai kopi.

Seterusnya, pemerhatian yang dijalankan oleh pengkaji di lapangan akan menguatkan lagi ketepatan maklumat dan memberi sokongan mengenai kajian yang dilakukan. Kaedah pemerhatian ini terbahagi kepada dua iaitu pemerhatian penglibatan dan pemerhatian secara temu bual. Oleh itu, pengkaji boleh melihat pelbagai ragam yang ditunjukkan oleh penduduk di kawasan DUN Damak, Jerantut semasa menjalankan kaedah pemerhatian dan sekali gus boleh membantu dalam menguatkan ketetapan maklumat serta memudahkan lagi penyelidikan yang dijalankan.

Pengkaji turut mendapatkan maklumat menerusi data Statistik Pengundi yang merangkumi aspek kaum, jantina dan juga umur. Di samping itu, rujukan *Score Sheet* Keputusan PRU 2022 mengikut saluran dan daerah mengundi turut dilakukan bagi mengukuhkan lagi kajian ini. Data statistik yang diperoleh adalah daripada Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR). Oleh itu, melalui data statistik ini, pengkaji boleh melihat keputusan di setiap kawasan DUN dan sekali gus pengkaji boleh mengetahui jumlah dan kaum terkini dalam daftar pemilih.

Data sekunder merupakan data yang diperoleh daripada sumber yang lain seperti majalah dan akhbar. Data sekunder yang terdapat di perpustakaan adalah dalam bentuk artikel jurnal, buku ilmiah, majalah, akhbar, laporan bulanan, kertas seminar dan persidangan, laporem penyelidikan dan tahunan kerajaan. Perpustakaan yang sering dikunjug oleh pengkaji bagi mendapatkan maklumat dan data adalah Perpustakaan Tun Sri Lanang, Universiti Kebangsaan Malaysia. Antara akhbar yang menjadi rujukan pengkaji ialah Kosmo, Utusan Malaysia dan Berita Harian.

Kaedah pengumpulan data sekunder ialah kajian atas talian atau kajian internet. Antara contoh sumber laman web yang digunakan untuk mendapatkan maklumat dan data berkaitan dengan politik pilihan raya ialah akhbar online, blog, e-portal SPR, aplikasi Whatsapp, facebook, Instagram, Twitter, TikTok dan Youtube. Dengan menggunakan laman web yang tersebut maklumat serta data sekunder diperoleh dan secara tidak langsung boleh memudahkan pengkaji untuk menjalankan penyelidikan.

### **3.2 Analisis Data**

Teknik menganalisis data menggunakan Statistical Package for Social Science (SPSS) 26.0 dilakukan dalam menganalisis data dan maklumat yang diperolehi dari borang soal selidik. Terdapat pelbagai kelebihan apabila menggunakan aplikasi SPSS semasa menganalisis data kerana aplikasi tersebut boleh menganalisis pelbagai jenis data dan boleh menghasilkan satu rumusan data yang ringkas, tepat dan padat. Selain itu, dengan menggunakan SPSS data boleh dilihat dalam bentuk taburan, grafik dan plot. Seterusnya, kajian ini menggunakan perisian SPSS untuk menganalisis data daripada 50 borang soal selidik yang diedarkan bagi mengukuhkan dapatan kajian.


### **3.3 Kawasan Kajian**

Sejarah berkaitan dengan kemunculan nama Damak adalah berasal daripada kumpulan Orang Asli yang tinggal di kawasan tersebut pada zaman dahulu. Seterusnya, seperti yang semua ketahui 'damak' merupakan sejenis peluru buluh sumpitan namun nama kampung ini bukanlah berasal daripada damak sumpitan tersebut dan terus menjadi nama Kampung Damak pada masa kini. Mengikut cerita dalam hutan, terdapat kumpulan Orang Asli dan setiap kumpulan mempunyai nama batin yang tersendiri contohnya di kawasan Bukit Raya nama batin ialah Batin Raya manakala di Kerau batinnya bernama Batin Weh dan di Damak pula batinnya bernama Damak. Batin Damak bercita-cita ingin menjadi Raja di hutan kawasan tersebut dan perkara tersebut telah dipersetujui oleh ahli kumpulan namun tidak bagi puak Batin yang lain. Walau bagaimana pun, Batin Damak tetap meneruskan kemahuannya dan pergi ke Tanjung Besar dengan membawa dua ekor beruk untuk dipersembahkan kepada Datuk Muda Mat Piah. Hal ini bertujuan untuk beliau memohon untuk dilantik sebagai raja rimba dan secara tidak langsung Tok Muda Mat Piah pun melantiklah dengan gelaran "Mangku Damak" dan disebabkan itu beliau merentas sepanjang Sungai Damak tetapi dalam kumpulan mereka sahaja.

Pada ketika dahulu juga, Batin Raya Bura di Tanjung Besar selalu datang ke Jerantut disebabkan berlakunya kekosongan batin di tempat tersebut. Justeru, saudagar telah mula membuka ladang di kawasan Batu Balai dan orang beransur-ansur ramai serta juga kawasan tersebut merupakan pintu keluar masuk ke Kg. Ulu Cheka. Sg. Cheka di Jambatan Batu Balai, terkenal dengan keindahannya dan keasliannya yang belum tercemar. Namun pembukaan kawasan paya Daerah Batu Balai menyebabkan orang ramai tidak suka kerana di situ terdapatnya Batu Lop yang kurang elok menurut pendapat mereka. Namun terdapat juga orang yang membuka dengan membuat paya di hulu jambatan iaitu salah seorang daripadanya dikenali namanya Tok Rasul. Pada tahun 1932, kampung Jeor Batu 35, Batu Balai telah dibuka seterusnya diketuai oleh Ismail b. Chu Seman dan kawasan Batu Balai pada pada ketika itu penduduknya kurang berkembang disebabkan tanah paya kurang menjadi sehingga selepas darurat tahun 1948. Menurut cerita lisan pula, Kampung Damak telah dibuka pada pada 1935 oleh Muhamad Imam Mansu atau nama gelarannya oleh penduduk setempat sebagai Mat Eling. Mat Eling berasal dari kampung Limau Purut di Mela. Nama Kampung Damak ini berasal daripada nama pokok, iaitu pokok Damak.

Kampung Damak terdiri daripada tujuh buah kampung di Mukim Ulu Cheka yang terdapat di Daerah Jerantut. Jumlah keluasan bagi Kampung Damak ialah seluas 447.4 batu/per.

Sterusnya, kampung ini turut bersempadan dengan Kampung Som, Kampung Batu Balai dan Kampung Koi. Kebanyakan penduduk yang tinggal di kawasan kampung ini merupakan penduduk yang datang daripada pelbagai negeri, dan kebanyakannya dari negeri pantai timur iaitu Kelantan. Namun begitu, pentadbiran di kampung ini diuruskan oleh penduduk tempatan dari Mukim Ulu Cheka. DUN Damak mempunyai 20 kawasan Daerah Mengundi (Lihat Rajah 1).



Rajah 1: Peta kawasan/bahagian pilihan raya DUN Damak (N.10), Jerantut, Pahang

Sumber: Diubahsuai daripada SPR 2022

Pada PRU-14 (2018), Ustaz Zuridan Mohd Daud daripada PAS menang di DUN Damak dengan majoriti 1,456 undi selepas sekian lama Barisan Nasional memegang menguasai kawasan tersebut. Kemudian pada PRU-15 pada tahun 2022, kawasan DUN Damak mempunyai jumlah pengundi seramai 34,971 orang. Terdapat empat parti politik yang bertanding antaranya ialah Barisan Nasional (BN), Pakatan Harapan (PH), Perikatan Nasional (PN) dan calon Bebas. Jumlah undi yang paling tinggi yang diperolehi di kawasan DUN Damak ialah 10,883 undi bagi PN/PAS yang diwakili oleh penyandang iaitu Zuridan Mohd Daud, seterusnya 8,587 undi bagi PH/PKR yang diwakili oleh Mohamad Rafly Mohd Satar seterusnya diikuti oleh calon BN/UMNO iaitu Muhamad Fasal Jamlus yang meraih 6,655 undi dan calon Bebas (Izzuddin Ismail) meraih hanya 82 undi. Hal ini jelaslah menunjukkan bahawa PN memenangi kerana



meraih undian yang tinggi seterusnya menang dengan majoriti 2,296 undi. Peratus keluar mengundi adalah 76.1 peratus dan undi rosak adalah 318 undi.

#### 4. Dapatan dan Perbincangan

Analisis dilakukan secara kuantitatif dan kualitatif bagi menghuraikan objektif khusus kajian yang berkaitan dengan geografi pilihan raya dalam Pilihan Raya Umum ke-15 (PRU-15) di kawasan DUN Damak, Jerantut, Pahang. Objektif khusus yang perlu dijawab dalam hasil kajian dan perbincangan ini adalah untuk mengenalpasti isu yang dikempenkan semasa Pilihan Raya Umum ke-15 di kawasan DUN Damak, Jerantut, Pahang; untuk mengkaji tingkah laku politik responden di kawasan DUN Damak, Jerantut, Pahang; dan untuk menganalisis pilihan politik responden di kawasan DUN Damak, Jerantut, Pahang.

##### 4.1 Isu Yang Selalu Dibincangkan di Kawasan Kajian Ketika Kempen PRU-15

Isu yang dibincangkan semasa kempen PRU-15 oleh setiap parti yang bertanding merupakan sesuatu perkara yang penting. Hal ini kerana isu tersebut merupakan salah satu faktor yang menyebabkan sesebuah parti politik sama ada menerima banyak undian ataupun tidak. Rakyat yang terdapat di sesebuah kawasan akan mengundi parti politik yang boleh menyelesaikan isu yang timbul di kawasan mereka. Berikut merupakan isu yang selalu yang dibincangkan di kawasan kajian semasa kempen PRU-15.

JADUAL 1: Isu yang selalu dibincangkan di kawasan kajian (Peratus)

Bil.	Isu yang dibincangkan di kawasan kajian	Peratus(%)
1.	Pemulihan ekonomi/harga barang/inflasi/kos sara hidup	10.4
2.	Isu pembangunan setempat	8.2
3.	Peluang pekerjaan	7.9
4.	Pendidikan	6.2
5.	Isu alam sekitar	6.2
6.	Isu masalah sosial	5.9
7.	Isu air	5.9
8.	Isu kebersihan	5.9
9.	Isu kepimpinan	4.7
10.	Isu kemudahan infrastruktur	4.7
11.	Isu petempatan /perumahan	4.5
12.	Hak ketuanan Melayu	4.5
13.	Kestabilan dan perpaduan	4.2
14.	Jurang pendapatan antara bandar dan luar bandar	4.2
15.	Kestabilan politik	4.2
16.	Isu janji pilihan raya	4.0
17.	Isu perhubungan dan pengangkutan	3.7
18.	Isu tanah	3.5
19.	Jurang pendapatan antara kaum	1.7
20.	Lain-lain	0
	Jumlah	100

Sumber: Soal selidik 2023

Berdasarkan Jadual 1, isu yang paling kerap dibincangkan semasa kempen PRU-15 ialah berkaitan dengan pemulihan ekonomi/harga barang/inflasi/kos sara hidup iaitu sebanyak 10.4 peratus. Isu yang berkaitan dengan pemulihan ekonomi/harga barang/inflasi/kos sara hidup merupakan isu yang paling kerap dibincangkan kerana isu tersebut merupakan perkara yang

penting terutamanya kepada rakyat dan negara. Pemulihan ekonomi merupakan perkara yang penting agar ekonomi negara berada dalam keadaan yang stabil. Ekonomi yang stabil akan memudahkan aktiviti pembangunan negara dijalankan. Sebagai contoh, pemulihan ekonomi yang telah dijalankan oleh kerajaan pada tahun 2020 ialah dengan menggunakan pendekatan 6R iaitu Resolve (Ketegasan), Resilient (Ketahanan), Restart (Memulakan Semula), Recover (Pemulihan), Revitalise (Memperkasa) dan Reform (Menyusun Semula yang menjadi garis panduan untuk kerajaan menangani COVID-19 dan sekali gus memastikan kelangsungan ekonomi negara. (Syarifah Dayana 2021)

Seterusnya, diikuti dengan isu yang berkaitan dengan pembangunan setempat iaitu sebanyak 8.2 peratus. Isu pembangunan setempat merupakan perkara yang penting kerana melalui pembangunan sesebuah kawasan akan dilengkapi dengan pelbagai kemudahan kepada rakyat yang tinggal di sesebuah kawasan. Pembangunan dijalankan supaya hidup rakyat agar lebih sempurna serta selesa iaitu merupakan satu tingkat kehidupan yang lebih baik. Sebagai contoh, kawasan yang mempunyai pembangunan setempat yang baik seperti di Kuala Lumpur akan menyebabkan rakyat hidup dalam keadaan yang selesa dan sekali gus negara akan harmoni tanpa sebarang permasalahan.

Di samping itu, isu yang sering dibincangkan ketika kempen PRU-15 di kawasan kajian ialah berkaitan dengan peluang pekerjaan iaitu 7.9 peratus. Tidak dinafikan isu ini sering menjadi isu yang hangat di pelbagai tempat kerana peluang pekerjaan yang ditawarkan pada masa kini adalah terhad mengikut kelayakan seseorang individu tersebut. Perkara ini boleh dilihat dalam kajian yang dijalankan oleh Junaidi & Mohd Fuad (2011) dalam kajian “Keperluan Belia dan Pendapat Politik di Kawasan Parlimen Muar, Johor” mendapati bahawa dari aspek ekonomi, belia di kawasan tersebut inginkan peluang pekerjaan yang bersesuaian dengan kelayakan mereka di samping tingkat upah/gaji yang sesuai dengan keadaan ekonomi semasa. Seterusnya, peluang pekerjaan merupakan sesuatu yang penting kepada individu dan negara supaya kuasa jual beli meningkat serta ekonomi negara terjamin (Mohd Fuad & Junaidi 2012).

Menurut Yang Berhormat Ustaz Zuridan Mohd Daud selaku Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Damak, beliau menyatakan bahawa:

“Pada pendapat saya, isu yang sering dibincangkan di kawasan DUN Damak ialah berkaitan dengan kemudahan infrastruktur terutamanya kemudahan prasarana terutamanya ia melibatkan orang kampung. Antara masalah yang berlaku ialah masalah yang berkaitan dengan isu air, isu jalan raya dan isu yang berkaitan dengan alam sekitar seperti pembalakan dan pembakaran terbuka yang dijalankan di kawasan DUN Damak tersebut”.

(Yang Berhormat Ustaz Zuridan Mohd Daud, 20 Mac 2023)

Manakala menurut Muhammad Fasal Jamlus selaku calon yang bertanding bagi Barisan Nasional semasa PRU-15 untuk DUN Damak, beliau menyatakan bahawa:

“Pada pendapat saya isu yang dikempenkan ketika PRU-15 yang lalu ialah berkaitan dengan isu yang berlegar di dalam kawasan dan tidak dipengaruhi oleh isu nasional. Namun, memandangkan rakyat yang berumur 18 dibenarkan untuk mengundi dan jumlah pengundi yang berumur 46 tahun ke bawah melebihi 56 peratus. Oleh itu, perkara tersebut telah menimbulkan isu nasional. Hal ini berlaku disebabkan, golongan umur tersebut mereka lebih dipengaruhi dengan media sosial terutamanya golongan yang berumur 18 sehingga 25 tahun. Perkara ini sudah pastinya memberikan isu nasional kepada mereka dan tidak terkesan dengan isu setempat”.

(Muhammad Fasal Jamlus, 20 Mac 2023)

#### 4.2 *Pendapat Umum Mengenai ‘Isu Semasa di Peringkat Nasional/Malaysia Ketika Kempen PRU-15’*

Pendapat umum yang berkaitan dengan isu yang berlaku di peringkat nasional ketika kempen PRU-15 merupakan salah satu perkara yang penting kerana rakyat akan memilih parti yang boleh menyelesaikan isu yang timbul. Isu yang timbul mestilah diselesaikan dengan sebaik mungkin supaya negara boleh membangun dan menuju ke arah negara yang maju. Berikut merupakan pendapat umum yang berkaitan dengan isu semasa di peringkat nasional/Malaysia ketika kempen PRU-15.

JADUAL 2: Pendapat umum mengenai pernyataan ‘Isu semasa di peringkat nasional/Malaysia ketika kempen PRU-15’ (Peratus)

Bil.	Isu Semasa di Peringkat Nasional/Malaysia ketika kempen PRU-15	Setuju (%)	Tidak Setuju (%)	Tidak Pasti (%)
1.	Peluang pekerjaan yang terhad menyebabkan ramai yang menganggur.	88	6	6
2.	Isu pergolakan politik masih berlaku hingga sekarang.	88	6	6
3.	Isu PRU-15 diadakan ketika musim tengkujuh (hujan) dan ekonomi negara kurang stabil menimbulkan kemarahan rakyat.	86	4	10
4.	Isu kredibiliti Timbalan Presiden UMNO yang masih dalam kes percabangan di mahkamah menyebabkan rakyat sukar mempercayai ahli politik.	80	12	8
5.	Isu PRU-15 yang tidak diadakan sehingga tamat penggal 5 tahun pada Julai 2023 dan tidak serentak di 6 negeri merugikan kewangan negara.	78	4	18
6.	Isu perkauman dan keagamaan di negara ini masih terkawal.	68	20	12
7.	Isu kenaikan kadar OPR oleh Bank Negara meresahkan peminjam kredit daripada bank.	62	18	20
8.	Isu kenaikan harga barang dapat diselesaikan oleh Kerajaan Pusat.	52	24	24
9.	Isu alam sekitar seperti pencemaran dan kemusnahan alam sekitar masih dapat ditangani Kerajaan Persekutuan.	44	28	28
10.	Isu berita tidak benar dan bersifat menghasut masih terkawal.	44	34	22

Sumber: Soal selidik 2023

Jadual 2 menunjukkan pendapat umum mengenai ‘Isu setempat di peringkat nasional/Malaysia ketika kempen PRU-15’ yang paling tertinggi ialah berkaitan dengan ‘Peluang pekerjaan yang terhad menyebabkan ramai yang menganggur’ dan ‘Isu pergolakan politik masih berlaku hingga sekarang’ iaitu sebanyak 88 peratus. Pendapat umum yang berkaitan dengan ‘Peluang pekerjaan yang terhad menyebabkan ramai yang menganggur’ merupakan salah satu nilai yang tertinggi kerana sehingga Februari 2023 jumlah penganggur ialah sebanyak 591.9 ribu orang (Jabatan Perangkaan Malaysia 2023). Jumlah tersebut merupakan satu jumlah yang besar kepada negara serta perkara tersebut boleh memberi kesan negatif kepada negara seperti berlakunya peningkatan masalah sosial demi kelangsungan hidup jika tidak ditangani. Jumlah pengangguran meningkat kerana pada awal tahun 2020 berlakunya penularan COVID-19 yang

menyebabkan ramai kehilangan pekerjaan. Seterusnya, peluang pekerjaan yang terhad berlaku kepada golongan graduan kerana jumlah graduan dilahirkan institusi pengajian tinggi (IPT) melebihi keperluan tenaga kerja. Di samping itu, peluang pekerjaan terhad berlaku disebabkan ketidaksejajaran antara jumlah graduan yang dilahirkan oleh IPT dengan jumlah pekerjaan yang ditawarkan oleh industri. Hal ini berlaku disebabkan pihak industri ingin mengurangkan kos pengeluaran serta operasi.

Seterusnya, pendapat umum berkaitan dengan 'Isu pergolakan politik masih berlaku hingga sekarang' merupakan salah satu nilai yang tertinggi kerana masih lagi berlaku di dalam peringkat nasioanl. Pergolakan politik yang berlaku akan memberi kesan yang buruk terutamanya kepada negara dari segi ekonomi dan sosial. Hal ini kerana pergolakan politik yang berlaku boleh memberi gangguan kepada ekonomi negara sekali gus boleh menyebabkan pelabur kurang berkeyakinan untuk melabur dalam negara. Tambahan pula, negara Malaysia mengamalkan ekonomi yang terbuka dan bergantung kepada perdagangan antarabangsa termasuklah pelaburan asing. Isu pergolakan politik yang berlaku mestilah diatasi dengan cepat supaya negara boleh membangun menuju ke arah negara yang maju.

Selain itu, pendapat umum berkaitan dengan 'Isu PRU-15 diadakan ketika musim tengkujuh (hujan) dan ekonomi negara kurang stabil menimbulkan kemarahan rakyat' merupakan antara peratusan yang tertinggi yang dipilih oleh responden kerana perkara tersebut boleh menimbulkan kesusahan dan kepayahan kepada semua pihak seperti pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM), Suruhanjaya Pilihanraya (SPR) serta Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM). Tambahan pula, pada tarikh PRU-15 dilaksanakan iaitu 19 November 2022, Jabatan Meteorologi Malaysia telah menjangkakan bahawa negara akan menerima jumlah taburan hujan yang tinggi pada pertengahan bulan November berbanding bulan yang lain. Di samping itu, tarikh yang tidak bersesuaian tersebut juga akan menyebabkan kejadian yang tidak diinginkan berlaku kepada pengundi yang keluar mengundi dan perkara ini secara tidak langsung boleh menggugat faktor keselamatan rakyat. Seterusnya, ekonomi negara yang kurang stabil boleh menimbulkan kemarahan rakyat berlaku kerana rakyat perlu mengeluarkan kos untuk pulang mengundi terutamanya rakyat yang tinggal jauh daripada kampung halaman.

Menurut Yang Berhormat Ustaz Zuridan Mohd Daud selaku Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Damak, beliau menyatakan bahawa:

“Isu nasional yang dibincangkan semasa kempen PRU-15 ialah berkaitan dengan isu perpaduan, isu harta dan barangan serta isu ketidakcukupan telur ayam yang mentah. Namun, isu nasional ini tidak memberikan kesan yang besar kepada penduduk di DUN Damak kerana hanya memfokuskan isu yang berlaku di kawasan setempat yang boleh ditangani. Isu nasional tersebut merupakan isu tambahan sahaja kerana tidak memberikan kesan ketara kepada penduduk di DUN Damak. Hal ini kerana, penduduk yang terdapat di kawasan tersebut merupakan penduduk yang pelbagai kerana ada kumpulan yang pertengahan dan sebaliknya.

(Yang Berhormat Ustaz Zuridan Mohd Daud, 20 Mac 2023)

Manakala menurut Muhammad Fasal Jamlus selaku calon bertanding bagi Barisan Nasional di DUN Damak semasa PRU-15, beliau menyatakan bahawa:

“Isu nasional yang dibincangkan pada ketika itu ialah UMNO mengambil tindakan untuk bersendirian dan hanya terdiri daripada BN semata-mata. Pada ketika itu sememangnya

golongan muda tidak menyukai pucuk pimpinan yang ditunjukkan oleh UMNO itu tersendiri. Oleh itu, perkara tersebut meninggalkan kesan walaupun YAB Dato' Seri Ahmad Zahid Hamidi tidak mempunyai masalah. Apabila digembar-gemburkan bahawa beliau tidak mahu bersama dengan parti politik Parti Islam Se-Malaysia(PAS) dan mahu bersama dengan Dato Seri Anwar Ibrahim ini menyebabkan politik yang berada di Jerantut turut terkesan.

( Muhammad Fasal Jamlus, 20 Mac 2023)

#### 4.3 *Pendapat Umum Mengenai 'Isu setempat di kawasan DUN Damak, Jerantut, Pahang ketika kempen PRU-15'*

Pendapat umum berkaitan dengan isu setempat yang berlaku di kawasan DUN Damak boleh dilihat daripada pelbagai jenis aspek antaranya ialah dari segi aspek sosial. Dalam bahagian ini, isu yang berkaitan dengan sosial akan ditekankan berdasarkan data yang diperoleh semasa di lapangan. Pendapat umum tentang isu setempat yang berlaku di kawasan kajian merupakan sesuatu yang penting terutamanya kepada rakyat bagi menjamin keharmonian sesebuah negara.

JADUAL 3: Pendapat umum mengenai pernyataan 'Isu setempat di kawasan DUN Damak, Jerantut, Pahang ketika kempen PRU-15' (Peratus)

Bil.	Isu setempat di kawasan DUN Damak, Jerantut, Pahang ketika kempen PRU-15	Setuju (%)	Tidak Setuju (%)	Tidak Pasti (%)
1.	Penduduk terutamanya golongan muda di kawasan ini memerlukan pemilikan rumah sendiri yang bersifat mampu milik.	84	8	8
2.	Pihak polis menangani jenayah dengan berkesan dan efisien.	72	14	14
3.	Masalah sosial di kawasan anda masih dapat dikawal oleh pihak berkuasa.	66	8	26
4.	Peluang perniagaan terbuka luas di kawasan kajian.	58	28	14
5.	Gejala penagihan dadah di kawasan ini dapat dibendung oleh pihak berkuasa.	54	24	22
6.	Kemudahan awam di kawasan ini mencukupi dan diselenggara dengan baik.	54	36	10
7.	Keadaan jalan raya di kawasan ini masih baik.	46	46	8
8.	Tiada penularan wabak pandemik COVID-19 di kawasan ini.	46	32	22
9.	Pihak kerajaan dapat membasmi kemiskinan di kawasan anda.	44	24	32
10.	Tiada pencemaran alam sekitar di kawasan ini.	40	42	18

Sumber: Soal selidik 2023

Berdasarkan Jadual 3 pendapat umum mengenai pernyataan 'Isu setempat di kawasan DUN Damak, Jerantut, Pahang ketika kempen PRU-15', paling tinggi merupakan isu yang berkaitan dengan 'Penduduk terutamanya golongan muda di kawasan ini memerlukan pemilikan

rumah sendiri yang bersifat mampu milik' iaitu sebanyak 84 peratus. Hal ini kerana rumah merupakan keperluan yang sangat penting terutamanya dalam memberi perlindungan. Pemilikan rumah sendiri yang bersifat mampu milik terutamanya kepada golongan muda merupakan sesuatu yang penting kepada masa hadapan mereka dan disebabkan itu terdapatnya Dasar Perumahan Mampu Milik Negara (DRMM). Dasar Perumahan Mampu Milik Negara (DRMM) merupakan sub dasar yang dibangunkan bagi menggariskan standard, spesifikasi utama, harga serta panduan bagi pembangunan rumah mampu milik sama ada yang dibangunkan oleh Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri atau pihak swasta bagi mengatasi isu yang dibangkitkan berkaitan dengan industri perumahan mampu milik. Melalui dasar ini kerajaan menunjukkan usaha yang serius terutamanya berkaitan dengan isu pemilikan rumah sendiri yang mampu milik.

Nilai peratusan pendapat umum mengenai pernyataan 'Isu setempat di kawasan DUN Damak, Jerantut, Pahang ketika kempen PRU-15' yang seterusnya ialah 'Pihak polis menangani jenayah dengan berkesan dan efisien' iaitu sebanyak 72 peratus. Jenayah yang diatasi oleh pihak polis seperti menangkap seorang tokan dadah yang sanggup terjun ke dalam sungai setelah lubuk pengedaran dadah telah diserbu oleh pihak polis. Seterusnya, pihak polis berjaya menangkap suspek walaupun suspek cuba meloloskan diri. Disebabkan itu, jelaslah bahawa pihak polis di kawasan Jerantut, Pahang boleh mengatasi kes jenayah dengan berkesan dan efisien (Roselan 2019).

Seterusnya, pendapat umum mengenai pernyataan 'Isu setempat di kawasan DUN Damak, Jerantut, Pahang ketika kempen PRU-15' ialah 'Masalah sosial di kawasan anda masih dapat dikawal oleh pihak berkuasa' ialah sebanyak 66 peratus. Masalah sosial yang timbul di kawasan Jerantut masih boleh dikawal terutamanya oleh pihak yang berkuasa seperti pihak PDRM. Hal ini boleh dilihat dengan apabila seorang remaja yang berusia 16 tahun ditahan dalam empat serbuan Op Tapis Khas kerana terlibat dalam aktiviti pengedaran dadah di kawasan tanah rancangan FELDA. Dengan adanya pemantauan yang dilakukan oleh pihak berkuasa maka masalah sosial yang berlaku di kawasan tersebut secara tidak langsung akan berkurangan.

Menurut Yang Berhormat Ustaz Zuridan Mohd Daud selaku Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Damak, beliau menyatakan bahawa:

“ Isu yang berlaku di peringkat tempatan ataupun setempat ialah berkaitan dengan sumber air. Hal ini kerana kawasan DUN Damak terutamanya di kawasan mukim Ulu Cheka yang berpunca daripada loji air yang tidak mampu menampung kapasiti penduduk dan paip-paip air sering pecah sehingga menyebabkan masalah bekalan air yang putus. Terdapat juga kawasan yang tidak mendapat bekalan air langsung berikutan dengan masalah yang dinyatakan sehingga menyebabkan rakyat menggunakan sumber air bukit. Seterusnya, isu yang berkaitan dengan jalan yang rosak, jalan yang belum berturap dan pencemaran sungai. Seterusnya, terdapat juga isu seperti gajah liar memasuki kawasan kampung.

(Yang Berhormat Ustaz Zuridan Mohd Daud, 20 Mac 2023)

Manakala menurut Muhammad Fasal Jamlus selaku calon bertanding bagi Barisan Nasional semasa PRU-15 di DUN Damak, beliau menyatakan bahawa:

“Isu setempat yang berlaku di kawasan DUN Damak tidak banyak dibincangkan ketika PRU-15. Namun, jika dilihat dari segi khidmat politik masyarakat UMNO merupakan parti yang terkehadapan dan dalam tempoh lima tahun kebelakangan ini terutamanya isu

yang berkaitan dengan COVID-19 kebanyakan parti BN yang banyak memberikan bantuan kepada masyarakat. Politik kemasyarakatan tersebut memang memberi kesan kepada masyarakat yang tinggal di bandar namun ia tidak mampu memenangi kerana populasi pengundi luar seperti golongan muda 18 hingga 25 tahun yang tidak tinggal di kawasan Jerantut tidak boleh melihat usaha yang dilakukan oleh BN dalam menyelesaikan isu setempat seperti penyebaran COVID-19 di kawasan tersebut dan isu banjir tetapi golongan tersebut lebih melihat kepada isu nasional”

(Muhammad Fasal Jamlus, 20 Mac 2023)

#### **4.4 *Minat Terhadap Politik***

Berdasarkan data yang diperoleh melalui borang soal selidik, sebanyak 64 peratus responden menjawab tidak berminat terhadap politik. Hal ini kerana bagi mereka politik merupakan perkara yang tidak menarik untuk diketahui. Selain itu, responden juga menyatakan bahawa politik merupakan perkara yang membosankan kerana bagi mereka politik merupakan “hal orang tua”. Hal ini boleh dikukuhkan lagi dengan melihat kajian yang dijalankan oleh White (2003) mendapati bahawa golongan belia menunjukkan tidak berminat terhadap politik dan mempunyai persepsi yang sama iaitu politik merupakan perkara yang membosankan. Di samping itu, dapatan kajian yang dijalankan oleh Salman, Samsudin dan Yusof (2017) menunjukkan bahawa golongan belia di Malaysia kini didapati menunjukkan tahap penglibatan yang rendah dalam politik. Belia Malaysia didapati kurang melibatkan diri dalam aktiviti yang dianjurkan oleh parti politik atau berjumpa dengan ahli parlimen/ahli dewan undangan negeri yang dilantik bagi membincangkan isu atau menyuarakan pendapat. Seterusnya, sebanyak 36 peratus responden menunjukkan bahawa mereka berminat terhadap politik. Hal ini kerana bagi mereka melalui politik pembangunan negara boleh dilihat. Sebagai contoh, jika pemimpin parti politik yang mentadbir negara mempunyai idea bernas dalam pembangunan negara maka secara tidak langsung negara akan membangun dan menuju ke arah negara yang maju. Selain itu, responden juga menyatakan mereka berminat terhadap politik kerana melalui politik boleh mengetahui isu yang berlaku dan cara menyelesaikannya.

#### **4.5 *Mendaftar Sebagai Pengundi***

Berdasarkan data yang diperoleh daripada borang soal selidik, sebanyak 100 peratus responden telah mendaftar sebagai pengundi di kawasan mereka. Hal ini kerana merupakan tanggungjawab kepada negara terutamanya dalam memilih pemimpin negara. Sebagai seorang warganegara Malaysia bertanggungjawab, adalah sangat penting dalam mengambil tahu perkara yang berkaitan dengan proses demokrasi iaitu dengan menunaikan tanggungjawab sebagai seorang pengundi dengan mengundi calon yang bersesuaian menurut pengundi tersendiri. Selain daripada tanggungjawab kepada negara ia juga menjadi tanggungjawab rakyat itu tersendiri dalam memilih pemimpin di kawasan mereka yang adil dan bertanggungjawab. Pemimpin yang adil dan bertanggungjawab akan memberi kemudahan kepada rakyat itu tersendiri dan sekali gus ia amat penting kepada pembangunan di sesebuah kawasan yang ditadbir (Salehudin 2021).

#### 4.6 *Jenis Partisipasi Dalam Politik Pilihan Raya*

Partisipasi politik merupakan perkara yang penting kepada seseorang individu dan parti politik. Partisipasi politik boleh diadakan dengan dua cara iaitu secara fizikal dan atas talian. Penyertaan individu dalam politik boleh dilihat dengan pelbagai cara antaranya ialah dengan mengundi parti politik. Mengundi parti politik merupakan tanggungjawab yang utama sebagai rakyat yang tinggal di negara yang demokrasi. Berikut merupakan cara partisipasi dalam politik pilihan raya secara fizikal yang boleh dilihat.

JADUAL 4: Cara partisipasi dalam politik pilihan raya (peratus)

Bil	Jenis partisipasi dalam politik	Ya (%)	Tidak (%)
1.	Mengundi parti politik	100	0
2.	Mendengar ceramah politik	40	60
3.	Menjadi ahli parti politik	18	82
4.	Berkempen untuk parti politik	16	84
5.	Menjadi pekerja parti politik	14	86
6.	Menyertai hari penamaan calon	12	88
7.	Memberi ceramah politik	6	94
8.	Membiyai/menyumbangkan duit atau material kepada parti politik	6	94
9.	Menjadi Polling Agents/Ejen Mengundi (PA)	6	94
10.	Menjadi Counting Agents/Ejen Pengira (CA)	6	94
11.	Menjadi petugas hari mengundi seperti di kaunter pendaftaran, sebagai penunjuk arah bilik mengundi, berkawal di bilik mengundi dan di kaunter bilik mengundi yang dilantik SPR	6	94
12.	Menjadi Barong Agents/Ejen Barong (BA)	4	96
13.	Menjadi Pegawai seperti Pegawai Pengurus, Ketua Tempat Mengundi, Ketua Saluran Mengundi dan sebagainya di tempat mengundi yang dilantik SPR	2	98

Sumber: Soal selidik 2023

Berdasarkan Jadual 4, jenis partisipasi ‘Mengundi parti politik’ mempunyai nilai peratus yang tertinggi iaitu sebanyak 100 peratus. Hal ini kerana responden mengambil berat berkaitan dengan tanggungjawab sebagai rakyat iaitu memilih pemimpin negara. Perkara ini penting bagi menentukan pemimpin serta kerajaan yang baru serta adil kepada semua rakyat. Berdasarkan analisis tersebut jelas menunjukkan bahawa penduduk yang tinggal DUN Damak sangat mengambil berat tentang tanggungjawab mengundi.

Cara partisipasi yang seterusnya ialah ‘Mendengar ceramah politik’ mempunyai nilai peratusan kedua tertinggi iaitu 40 peratus. Melalui penyertaan ceramah tersebut, responden boleh mengetahui sedikit sebanyak perkara yang berkaitan dengan parti politik yang bertanding sekali gus boleh menambah ilmu pengetahuan. Sebagai contoh, melalui partisipasi seperti mendengar




ceramah daripada parti politik yang bertanding boleh menyuarakan manifesto mereka kepada rakyat yang menyertai. Oleh itu, responden mahupun rakyat boleh memilih kerajaan yang layak memerintah.

Akhir sekali, jenis partisipasi dalam politik pilihan raya ialah 'Menjadi ahli parti politik' sebanyak 18 peratus. Hal ini kerana terdapat responden yang berminat dalam menyertai parti politik di kawasan DUN Damak seperti parti politik UMNO dan PAS. Penyertaan tersebut juga dipengaruhi oleh ahli keluarga dan minat yang tersendiri. Selain itu, melalui penyertaan tersebut mereka boleh menambah ilmu pengetahuan yang berkaitan dengan politik. Oleh itu, melalui partisipasi tersebut, ilmu pengetahuan akan diperoleh terutamanya dalam bidang politik pilihan raya.

#### 4.7 Faktor Paling Utama Mempengaruhi Responden Membuat Pilihan Untuk Mengundi

Pilihan politik yang dilakukan oleh calon semasa mengundi boleh ditentukan oleh beberapa faktor. Faktor tersebut akan mempengaruhi responden membuang undi sama ada mereka akan memilih parti yang boleh menyelesaikan masalah mereka ataupun hanya sekadar mahukan sesebuah parti yang disokong menang dalam pilihan raya. Berikut merupakan faktor paling utama semasa membuat pilihan undian antaranya ialah calon, isu dan parti.



RAJAH 2 : Faktor paling utama mempengaruhi responden membuat pilihan untuk mengundi (peratus)

Sumber: Soal selidik 2023

Berdasarkan Rajah 2, faktor paling utama yang boleh memberi pengaruh responden membuat pilihan untuk mengundi 'calon' sebanyak 54 peratus. Hal ini berlaku disebabkan mereka mempunyai pandangan yang tersendiri terhadap calon yang bertanding semasa PRU-15. Perkara ini selari dengan kajian yang dijalankan oleh Junaidi (2022a) dalam artikel atas talian yang bertajuk "Mahu Pengundi Pilih Calon" menyatakan bahawa orang ramai di kawasan luar bandar, khususnya pengundi atas pagar sudah pasti tertarik disebabkan mereka lebih melihat kepada pengalaman dan sumbangan dilaksanakan calon, selain lebih memilih pemimpin calon tempatan (Junaidi 2023).

Faktor paling utama yang seterusnya boleh mempengaruhi responden membuat pilihan untuk mengundi ialah 'isu' yang dikempenkan iaitu sebanyak 26 peratus. Ini berlaku disebabkan responden mahu pemimpin yang boleh menyelesaikan isu yang berlaku di kawasan mereka. Sebagai contoh isu yang berkaitan dengan air, alam sekitar, masalah sosial dan pembangunan setempat. Apabila isu yang timbul boleh diselesaikan maka rakyat akan hidup dalam keadaan harmoni dan boleh mencapai kesejahteraan.

Berdasarkan Rajah 1, faktor yang terakhir yang boleh mempengaruhi responden membuat pilihan untuk mengundi ialah 'parti' iaitu sebanyak 20 peratus. Responden yang memilih parti sebagai faktor utama kerana mereka merupakan seorang yang taat setia kepada parti tersebut. Walaupun parti yang mereka sokongi mempunyai isu yang timbul namun mereka tetap setia disebabkan parti tersebut telah memberi banyak jasa kepada mereka. Sebagai contoh parti BN masih lagi mendapat sokongan walaupun mempunyai pelbagai isu yang berkaitan dengan rasuah.

#### ***4.8 Perkara Yang Lebih Mempengaruhi Diri Responden Untuk Memberi Undi Kepada Parti Politik Semasa Dalam Pilihan Raya***

Semasa seorang pengundi menjalankan tanggungjawab, pengundi tersebut dipengaruhi oleh beberapa teori. Setiap teori tersebut mempunyai ciri yang ditunjukkan oleh pengundi itu tersendiri. Berikut merupakan beberapa teori yang berkaitan dengan tingkah laku pengundi antaranya ialah Teori Pilihan Rasional, Teori Identifikasi Parti dan Model Sosiologi.

Berdasarkan data yang diperoleh daripada borang soal selidik, ciri-ciri rasional seperti manifesto parti politik (Teori Pilihan Rasional) merupakan perkara yang mempengaruhi diri responden untuk memberi undi kepada parti politik semasa dalam pilihan raya dengan nilai peratusan sebanyak 40 peratus. Hal ini kerana teori pilihan rasional digunakan semasa membuat pilihan dan pengundi akan memberikan undi kepada parti politik mereka rasakan mampu untuk memenuhi semua tuntutan mereka berpandukan kepada maklumat serta pengetahuan politik mereka. Semasa membuat pilihan, pengundi akan membuat pertimbangan semua kos serta faedah sebelum membuang undi.

Seterusnya, perkara yang lebih mempengaruhi diri responden untuk memberi undi kepada parti politik semasa pilihan raya ialah ideologi/semangat kepartian yang dianuti/dipegang (Teori Identifikasi Parti) sebanyak 32 peratus. Semangat kepartian yang terdapat dalam diri seorang pengundi boleh menyebabkan seseorang pengundi tersebut membutuhkan mata walaupun parti tersebut mempunyai banyak isu. Sebagai contoh, BN tetap meraih undian walaupun bekas Perdana Menteri Keenam telah dibuktikan bersalah dalam kes rasuah IMDB. Oleh itu, jelaslah bahawa semangat kepartian yang terdapat dalam diri seseorang tidak akan menyebabkan pilihan undia berubah.

Akhir sekali, parti berasaskan etnik, calon, umur calon, latar belakang agama dan akademik (Model Sosiologi) bernilai sebanyak 28 peratus. Ciri ini dipilih oleh responden kerana mereka akan mengundi calon yang mereka sukai. Hal ini selari dengan kajian yang dijalankan oleh Ibrahim (2012) juga mendapati sikap pengundi Selangor terhadap parti dan orientasi ideologi yang didokong parti adalah lebih utama berbanding faktor peribadi calon yang bertanding. Ini kerana kebanyakan pengundi masih terikat kuat dengan semangat kepartian dan melihat seorang calon hanya sebagai wakil rakyat atau agen parti (Junaidi 2018).

#### **4.9 Ciri-Ciri Politik Kepartian Yang Manakah Serasi Dan Menjadi Pilihan Responden**

Ciri politik kepartian juga merupakan salah satu aspek yang diambil kira oleh pengundi semasa mengundi. Hal ini kerana pendapat setiap responden adalah berbeza mengikut persepsi mereka tersendiri. Berikut merupakan ciri-ciri politik kepartian yang manakah serasi dan menjadi pilihan responden antaranya ialah politik kepartian berteraskan Melayu yang memperjuangkan bangsa (dan agama) sebagai teras utama parti, politik kepartian yang mengutamakan Islam sebagai ciri utama/teras dalam kerajaan dan politik kepartian yang merentasi ciri-ciri kaum atau agama tetapi mengutamakan perjuangan dan nilai keadilan sosial, demokratik, amanah, berintegriti dan progresif.

Ciri politik kepartian yang mengutamakan Islam sebagai ciri utama/teras dalam kerajaan meraih peratusan yang tertinggi iaitu sebanyak 40 peratus. Responden memilih parti yang berteraskan agama kerana mereka inginkan pemerintahan negara yang berteraskan agama. Hal ini kerana negara yang mengutamakan Islam dalam pemerintahan tidak akan berlakunya penindasan walaupun terdapatnya perbezaan kaum. Selain itu, negara Malaysia merupakan negara yang memiliki penduduk majoriti beragama Islam, maka disebabkan itu kebanyakan responden mahukan ciri politik kepartian yang mengutamakan Islam sebagai ciri utama/teras dalam kerajaan.


Selain itu, ciri politik kepartian yang seterusnya ialah berteraskan Melayu yang memperjuangkan bangsa (dan agama) sebagai teras utama parti mempunyai dengan 32 peratus. Responden yang memilih ciri parti politik tersebut kerana mereka tidak mahu orang Melayu hilang kelayakan di Tanah Melayu yang diperjuangkan UMNO dari zaman dahulu. Selain itu, mereka juga tidak mahu orang Melayu ditindas oleh kaum lain.

Ciri politik kepartian yang terakhir ialah politik kepartian yang merentasi ciri-ciri kaum atau agama tetapi mengutamakan perjuangan dan nilai keadilan sosial, demokratik, amanah, berintegriti dan progresif mempunyai nilai sebanyak 14 peratus. Responden yang memilih ciri politik kepartian tersebut kerana mereka ingin negara diperintah oleh pemimpin yang mempunyai nilai terhadap keadilan sosial dan tidak ada yang berlebihan. Selain itu, ciri integriti yang ditunjukkan juga menyebabkan rakyat lebih memilih ciri politik kepartian tersebut kerana mereka ingin pemimpin bebas daripada kes seperti rasuah.

#### **4.10 Pihak yang Sesuai Mewakili Kerusi DUN (Negeri)**

Sebagai seorang rakyat yang bertanggungjawab, rakyat mestilah tunaikan tanggungjawab sebagai pengundi bagi menentukan masa hadapan negara. Namun, pilihan semasa mengundi mestilah dilakukan dengan sebaik mungkin agar negara boleh mencapai pembangunan dengan sebaik mungkin. Terdapat tiga parti politik yang boleh dipilih oleh pengundi di kawasan DUN Damak,

Jerantut, Pahang iaitu Perikatan Nasional (PN), Pakatan Harapan (PH) dan Barisan Nasional (BN).



RAJAH 3: Parti yang dimahukan untuk memerintah pada peringkat DUN (Negeri) (Peratus)

Sumber: Soal selidik 2023

Berdasarkan Rajah 3, parti yang dimahukan oleh responden untuk memerintah pada peringkat DUN ialah Parti Perikatan Nasional (BERSATU & PAS) iaitu sebanyak 48 peratus. Keberkesanan tagline BEST (Bersih dan Stabil) dan Prihatin juga merupakan salah satu faktor yang mendorong PN mendapat sokongan daripada pengundi yang ramai. Sebagai contoh, terdapat pelbagai pakej rangsangan ekonomi antaranya ialah Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN) dan pakej PEMERKASA diberikan kepada rakyat. Parti PN mendapat sokongan yang luar biasa daripada responden kerana responden mahukan kepimpinan yang bersih dan bebas kes rasuah. Perkara ini boleh dikukuhkan lagi dengan kajian yang dijalankan oleh Noordin (2023) dalam artikel yang bertajuk “PAS Lencongan Undi Anak Muda” menjelaskan bahawa pada PRU-15, 2022, PAS berjaya mendapat sokongan luar biasa daripada pengundi muda disebabkan mereka inginkan pemimpin dan parti politik yang bersih dari rasuah dan penyelewengan, keberkesanan tagline BEST (Bersih dan Stabil) dan Prihatin, naratif sentimen Melayu-Islam yang dimainkan parti tersebut, pengaruh Tik Tok melalui kempen yang berkesan dan *influencer* yang pro-PAS, dan jentera kempen PAS/PN yang agresif termasuk mengesan pengundi luar terutamanya pengundi muda dan yang tinggal di universiti untuk pulang mengundi.


Seterusnya, diikuti dengan Parti Barisan Nasional (BN) yang dimahukan oleh responden untuk memerintah pada peringkat DUN iaitu sebanyak 40 peratus. Hal ini kerana BN mempunyai pengalaman yang lama dalam pemerintahan dan pentadbiran negara. Pengalaman

yang dimiliki oleh BN boleh digunakan sebaik mungkin terutamanya dalam pembangunan di sesebuah kawasan. Di samping itu, BN juga telah memberi banyak jasa kepada rakyat dan memudahkan rakyat, contohnya, menyediakan pelbagai bantuan dari segi kewangan dan kemudahan. Antara contoh bantuan kewangan yang diberikan oleh Kerajaan BN ialah Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) bantuan persekolahan. Kesetiaan ahli politik bagi BN juga merupakan salah satu faktor yang menyebabkan BN masih lagi dipilih kerana parti tersebut memberi banyak jasa kepada mereka.

Bagi parti politik Pakatan Harapan (PH), jumlah peratusan responden ialah sebanyak 12 peratus. Parti ini mendapat sokongan oleh beberapa orang responden kerana parti ini biasanya lebih dipilih oleh responden yang tinggal di kawasan bandar serta mendapat sokongan daripada pengundi Cina dan India. Hal ini kerana, PH merupakan parti yang terdiri daripada kaum yang pelbagai dan merupakan gabungan parti politik yang memperjuangkan hak dan kesaksamaan rakyat.

#### 4.11 Pihak yang Sesuai Mewakili kerusi Parlimen (Negara)

Pihak yang bersesuaian untuk memerintah kerusi parlimen negara mestilah mempunyai sifat tanggungjawab kepada negara. Hal ini kerana penting kepada negara terutamanya negara Malaysia yang sedang membangun dan menuju ke arah negara maju. Bagi mencapai negara maju, pemerintah negara mempunyai peranan yang besar bukan kepada negara sahaja malah kepada rakyat. Berikut merupakan pihak yang sesuai mewakili kerusi parlimen (negara) yang terdori daripada tiga parti politik iaitu Perikatan Nasional (PN), Pakatan Harapan (PH) dan Barisan Nasional (BN).



RAJAH 4: Parti yang dimahukan untuk memerintah pada peringkat Parlimen (Negara) (Peratus)

Sumber: Soal selidik 2023

Berdasarkan Rajah 4, parti yang dimahukan untuk memerintah pada peringkat Parlimen (Negara) ialah Parti Perikatan nasional (PN) iaitu sebanyak 52. Hal ini kerana responden menyatakan bahawa mereka lebih memilih pemimpin parti yang bebas kes yang melibatkan rasuah dan penyelewengan duit. Selain itu, responden juga memilih parti ini kerana calon yang mempunyai latarbelakang yang bersesuaian untuk menjadi pemimpin rakyat di sesebuah kawasan. Di samping itu, PN meraih banyak undian kerana disebabkan kepimpinan Tan Sri Muhyiddin yang bersikap mesra rakyat dengan panggilan 'Abah'. Perkara ini boleh dilihat apabila beliau merupakan seorang yang perihatin terhadap masalah yang dialami oleh rakyat dan menjaga kebajikan rakyat. Antara contoh bantuan yang dilakukan oleh beliau ialah rangsangan ekonomi iaitu Pakej Bantuan Perlindungan Ekonomi dan Rakyat Malaysia (PERMAI) diberikan kepada rakyat terutamanya kepada golongan yang terkesan dengan penularan wabak COVID-19.

Parti yang dimahukan untuk memerintah pada peringkat parlimen yang seterusnya ialah Barisan Nasional (BN) sebanyak 38 peratus. BN masih mendapat sokongan terutamanya daripada orang Melayu kerana BN memberi banyak jasa dan sumbangan seperti kemudahan kepada rakyat seperti kemudahan pengangkutan awam yang canggih seperti *East Coast Rail Line* (ECRL) yang bergerak dari timur ke barat Semenanjung Malaysia. Selain itu, sumbangan parti BN dalam membina kemudahan pengurusan yang setempat seperti Pusat Transformasi Bandar (UTC). Di samping itu, kesetiaan ahli parti juga merupakan faktor kepada BN dipilih. Hal ini kerana kesetiaan yang diberikan sejak dari zaman dahulu lagi tanpa mengambil kira situasi yang berlaku kini. Pengundi yang setia ini juga tidak mengambil kira ciri sama ada cari calon ataupun manifesto.

Selain itu, parti yang dimahukan untuk memerintah pada peringkat parlimen yang seterusnya ialah Pakatan Harapan (PH) iaitu sebanyak 10 peratus. Parti PH dipilih oleh responden kerana memiliki manifesto yang realistik pada era kini. Manifesto yang realistik menyebabkan rakyat mempunyai keyakinan untuk mengundi parti tersebut demi menempuh era kemajuan negara pada masa kini. Antara contoh manifesto yang dijanjikan oleh PH ialah tangani isu kos sara hidup, perangi rasuah dan kukuhkan institusi demokrasi dan perkara peluang ekonomi belia dengan terokan sektor manusiawi.

## 5.0 Rumusan dan Cadangan

Kesimpulanya, kajian berkaitan dengan geografi pilihan raya boleh memberi pendedahan kepada pengkaji tentang kaedah penyelidikan dalam pilihan raya yang dapat memberi banyak manfaat kepada pengkaji politik untuk digunakan pada masa hadapan. Kajian berkaitan dengan geografi pilihan raya ini akan dirungkai dengan lebih terperinci di kawasan kajian yang dipilih oleh pengkaji. Selain itu, pengkaji juga boleh menambah sumber maklumat dan data politik pilihan raya melalui hasil analisis yang dijalankan berdasarkan borang soal selidik yang diedarkan kepada responden di kawasan kajian. Berdasarkan kajian yang dijalankan, diharapkan agar semua pihak tidak mengambil mudah perkara yang berkaitan dengan pilihan raya kerana pilihan raya merupakan sesuatu yang amat penting bagi negara yang mempunyai sistem pemerintahan secara demokrasi. Seterusnya, diharapkan agar semua pihak seharusnya tidak memandang remeh terhadap isu mahupun tingkah laku politik yang wujud dalam kelompok masyarakat kerana perkara tersebut boleh memberi kesan negatif seperti menyebabkan berlakunya perpecahan

dalam kalangan pengundi terutamanya menjelang pilihan raya. Sememangnya, isu yang dikempenkan akan timbul disebabkan rasa ketidakpuasan hati dan disebabkan manifesto yang telah dijanjikan tidak ditunaikan oleh calon yang bertanding.

## Rujukan

- Business Today. (2023). Anwar Ibrahim 100 Days Report Card: Pass or Fail?. *Business Today*. Edition 01, Vol. 23, 40-45.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2023). Kenyataan media statistik tenaga buruh, Malaysia, Februari 2023. [https://www.dosm.gov.my/v1/uploads/files/5\\_Gallery/2\\_Media/4\\_Stats%40media/4-Press\\_Statement/2023/04.%20April/STATISTIK%20TENAGA%20BURUH%2C%20FEBRUARI%202023-COMBINE.pdfv](https://www.dosm.gov.my/v1/uploads/files/5_Gallery/2_Media/4_Stats%40media/4-Press_Statement/2023/04.%20April/STATISTIK%20TENAGA%20BURUH%2C%20FEBRUARI%202023-COMBINE.pdfv) [21 Mei 2023]
- James Scott & Jane Wills. (2017). The geography of the political party: Lessons from the British Labour Party's experiment with community organising, 2010 to 2015. *Political Geography* 60:121-131.
- Junaidi Awang Besar. (2018). Pengaruh Identifikasi Parti Dan Politik Pembangunan Dalam Pilihan Raya Kecil (Prk) Parlimen Sungai Besar Dan Kuala Kangsar 2016. *Journal of Administrative Science*. 15(3)
- Junaidi Awang Besar. (2023). Pilihan Raya Umum Malaysia ke-15: Pola Sokongan Pengundi Berdasarkan Faktor Kewilayahan. *Journal of Social Sciences & Humanities* 20(1)
- Junaidi Awang Besar. (2023a). Pilihan Raya Umum Malaysia ke-15: Pola sokongan pengundi berdasarkan faktor kewilayahan. *e-Bangi: Journal of Social Sciences and Humanities* 20(1): 168-180
- Junaidi Awang Besar. (2023b). PRU-15: Tiadanya parti politik yang menang majoriti Mudah 112 Kerusi Parlimen untuk membentuk Kerajaan Persekutuan Malaysia. *International Journal of Law, Government and Communication* 8(31): 97-121.
- Khalida Najwa Khairuddin & Junaidi Awang Besar. (2021a). Tingkah Laku pengundi luar di kawasan DUN Tras, Raub, Pahang. *Jurnal Wacana Sarjana* 5(1): 1-17.
- Khalida Najwa Khairuddin & Junaidi Awang Besar. (2021b). Tingkah laku pengundi luar di kawasan DUN Tras, Raub, Pahang. Buku Kompilasi Kertas Kerja Persidangan Kebangsaan Sarjana Muda 2021 (PERSADA 2021). Anjuran: Sekretariat Prasiswazah, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Bangi, Selangor. Platform YouTube FSSK UKM. Hlm. 44-58. 26 Jun.
- Krishnamoorthy, M. (2023). *Anwar Prison to Palace PM for All*. Petaling Jaya: Krishnamoorthy Muthali.
- Meesuwan, S. (2016). The Effect of Internet Use on Political Participation: Could The Internet Increase Political Participation In Thailand?. *International Journal of Asia Pacific Studies*. 12(2): 57-82.
- Mohd Fuad Mat Jali & Junaidi Awang Besar. (2012). Pembangunan sosioekonomi dan pandangan belia terhadap isu semasa di kawasan Parlimen Batu, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. *Malaysia Journal of Society and Space*. 8(2):67-76

- Muhamad Nadzri Mohamed Noor. (2019). Persaingan PRU ke-14 di Pahang: pengekalan status quo melalui pertembungan tiga penjur. *Geografia Online: Malaysian Journal of Society and Space* 15(4): 122-136
- Muhamad Nadzri Mohamed Noor. (2021). Realiti politik pilihan raya di Pahang dalam PRU-14. Dlm. Junaidi Awang Besar, Mohd Fuad Mat Jali & Nur Azuki Yusuff (Penyelenggara). *Dinamika Politik Pilihan Raya di Malaysia dalam PRU-14*, hlm. 229-254. Kota Bharu: Penerbit Universiti Malaysia Kelantan.
- Muhammad Ariff Asyrul Adnan. (2022). Pilihan Raya Kecil Chini: Dominasi Muafakat Nasional dan Pengukuhan Legitimasi Barisan Nasional di Pahang. Dlm. Mohd Azmir Mohd Nizah (Penyunting). *Persaingan Politik dan Pilihan Raya: Dinamika Pola Pengundian Siri Pilihan Raya Kecil Pasca 9 Mei 2018*, hlm. 129-142. Kuala Lumpur: Ilham Book.
- Noor Azam Abdul Rahman. (2023). Kepimpinan Tunjang Pembentukan Malaysia Madani. *Dewan Masyarakat*. Jilid 60, Bil 3/Mac. 6-11.
- Noordin Zakaria. (2023). PAS Lencongkan Undi Anak Muda. Dlm *Dewan Masyarakat*. Bil. 01, 34-35.
- Rooselan Ab Malek. (2019). Tokan dadah terjun Sungai Tembeling. <https://www.bharian.com.my/berita/kes/2019/07/590409/tokan-dadah-terjun-sungai-tembeling> [22 Mei 2023]
- Salehudin Mat Rasad. (2021). Remaja 16 tahun antara sembilan ditahan edar dadah. <https://www.utusan.com.my/berita/2021/05/remaja-16-tahun-antara-sembilan-ditahan-edar-dadah/> [22 Mei 2023]
- Salman, A., Samsudin, A. R., & Yusuf, F. (2017). Civic and Political Participation: A Study of Marginalised and Mainstream Youth in Malaysia. *Pertanika Journal of Social Sciences & Humanities*, 25, 67-76
- Sarah Mills & Catherine Waite. (2017a). Brands of youth citizenship and the politics of scale: National Citizen Service in the United Kingdom. *Political Geography* 56: 66-70.
- Saufiyyan, A. (2017). Kempen politik Trump: Strategi, taktik dan model perang saraf media. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication* 31(1): 294-312.
- Syarifah Dayana Syed Bakri. (2021). Strategi 6R Pulih Ekonomi. <https://www.hmetro.com.my/bisnes/2021/03/686052/strategi-6r-pulih-ekonomi> [21 Mei 2023]
- White, C. (2003). Selling Politics To Young People. *Young Consumers: Insight And Ideas For Responsible Marketer*. 4(2):41-46.
- Zakia Acharoui, Altaf Alaoui, Badia Ettaki, Jamal Zerouaoui & Mohamed Dakkon. (2020). Identifying Political Influencers on YouTube during the 2016 Moroccan General Election. *Procedia Computer Science* 170: 1102-1109.